

TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
BANGUNAN MAS, KUALA LUMPUR
MAJLIS PENYAMPAIAN EDISI TERHAD SIRI KARTUN "GULI-GULI"
KEPADA BAKTI
23 DISEMBER 1987

Yang Berbahagia Dato Abdul Aziz bin Abdul Rahman; Yang Berbahagia Dato Lim Kok Wing; Dif-Dif Kehormat; Puan-puan dan tuan-tuan.

Assalamu'alaikum dan selamat pagi.

Saya merasa gembira kerana dapat hadir di majlis yang mulia pada pagi ini untuk menerima edisi terhad siri kartun "Guli-Guli" bagi pihak BAKTI. Sebagai sebuah pertubuhan amal yang menumpukan perhatian untuk membantu orang-orang yang memerlukan, BAKTI senantiasa berikhtiar untuk mengutip wang bagi membantu mereka.

2. Tanpa bantuan daripada orang ramai adalah sukar bagi BAKTI menjalankan tugas-tugas amalnya. Oleh yang demikian saya sungguh gembira kerana BAKTI akan dihadiahkan dengan beberapa ratus edisi terhad siri kartun sukaramai "Guli-Guli" ciptaan Yang Berbahagia Dato Lim Kok Wing. Naskah edisi terhad ini tentulah menjadi "collector's item" bagi memperingati usaha-usaha Dato Lim. Saya bagi pihak BAKTI ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dato Lim di atas sumbangannya yang mulia ini dan memilih BAKTI sebagai penerimanya.

3. Kepada peminat-peminat siri kartun "Guli-Guli" sukacita saya memaklumkan bahawa edisi terhad ini hanya boleh didapati daripada BAKTI. Jadi mereka yang berminat bolehlah mendapatkan naskah siri ini daripada BAKTI sambil memberi sumbangan kepada yang memerlukan.

Puan-puan dan tuan-tuan,

4. Sebagai seorang pelukis kartun Dato Lim sangat sensitive terhadap keadaan sekelilingnya, lebih-lebih lagi dalam keadaan masyarakat berbilang bangsa. Melalui siri kartunnya beliau dapat menggambarkan keluhan rakyat jelata terhadap dasar-dasar kerajaan dan juga kehidupan harian masyarakat majmuk di Malaysia. Usaha-usahanya terhadap perpaduan negara, kejujuran dan amalan yang baik dalam perniagaan, ketertipan dan kesopanan semasa menggunakan jalanraya dan semangat kejiranan telah digambarkan melalui siri kartunnya. Selama lima tahun penerbitannya kita telah gelak-ketawa dengan telatah watak-watak dalam siri "Guli-Guli" ini tetapi dalam kita ketawa itu kita menyedari bahawa kartun-kartun Dato Lim lebih dalam lagi maknanya.

5. Walaupun siri kartun "Guli-Guli" ini ditulis dalam Bahasa Inggeris tetapi ianyatetap disukai ramai. Saya di beritahu bahawa Dato Lim sekarang sedang menulis siri kartun ini dalam Bahasa Malaysia. Saya yakin dengan penerbitan "Guli-Guli" dalam Bahasa Malaysia ianya dapat dinikmati oleh ramai lagi masyarakat Malaysia. Saya

berharap siri "Guli-Guli" dalam Bahasa Malaysia dapat dikeluarkan dengan secepat mungkin.

6. Saya juga ingin mengucapkan penghargaan kepada pihak Sistem Penerbangan Malaysia di atas jasa baiknya menganjurkan semua naskah edisi terhad ini. Pihak MAS selalu membantu BAKTI dalam kegiatannya dan saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato Haji Abdul Aziz bin Abdul Rahman di atas sumbangannya kali ini.

Para hadirin sekalian,

7. Saya berharap para hadirin akan membantu BAKTI dengan membeli edisi terhad siri kartun "Guli-Guli" ini. Atas sumbangan puan-puan dan tuan-tuan terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih bagi pihak BAKTI.

Sekian terima kasih.